

UTUSAN MALAYSIA – 15 MEI 2010

Medan raikan belia Malaysia

Oleh EZARUDDIN ABD. RAHMAN

MULAI hari ini hingga Ahad, Putrajaya akan dihuni oleh generasi muda daripada seluruh negara. Sambutan hari Belia Negara 2010 pada 14 hingga 16 Mei 2010 berlangsung di Putrajaya merupakan program terbesar untuk belia Malaysia.

Pelbagai sambutan telah diatur dan disusun untuk menanti kehadiran belia di seluruh negara. Sambutan ini akan menjadi perkampungan terbesar belia negara di Malaysia disebabkan hampir seluruh Putrajaya akan digunakan sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti program belia.

Datuk Seri Najib Tun Razak akan menyampaikan amanat beliau kepada belia pada 15 Mei di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Golongan muda pada hari ini sudah terpesona dengan gaya kepimpinan Perdana Menteri yang dekat dengan hati mereka kerana sikap turun padang beliau. Perdana Menteri boleh bersantai bersama anak muda di kedai-kedai kopi.

Fenomena kelesuan belia telah berlalu. Belia semakin rancak setelah Akta Belia dikuatkuasakan.

Gerakan belia semakin hebat dan menunjukkan penyertaan daripada golongan muda. Jika dahulu golongan belia tidak mahu berpersatuan kerana bosan dengan pemimpin pertubuhan belia liat untuk melepaskan jawatan mereka. Malah ada yang memegang jawatan pertubuhan belia dalam usia lebih daripada 50 tahun.

Dahulu golongan muda diberikan jawatan sebagai ketua kompiang dan pemegang bunga manggar malah hanya diberikan jawatan sebagai pengerusi AJK jamuan. Peranan golongan belia dalam pertubuhan belia dipinggirkan malah dianaktirikan kerana mereka masih ditakrifkan sebagai pemimpin belum matang .

Banyak pertubuhan belia ketika dahulu berhadapan dengan masalah kekurangan pemimpin pelapis berwibawa apabila mereka melepaskan jawatan kerana sikap pemimpin lama yang menyekat generasi baru dalam kepimpinan mereka.

Pada waktu ini, kita masih mencari ikon belia yang hebat yang mempunyai idealis yang boleh menarik minat golongan belia. Kita masih ketandusan pemimpin belia yang lantang berhujah dan berpidato dalam memimpin gerakan belia di negara ini.

Pada hari ini, masih ramai lagi generasi muda tidak mengetahui kewujudan Majlis Belia Malaysia (MBM). Gabungan pertubuhan belia ini perlu diperkasakan lagi dalam memastikan

golongan belia menghargai kewujudan MBM. Mungkin sikap pemimpin MBM tidak mahu menonjolkan diri ataupun MBM tidak mempunyai taring lagi dalam gerakan belia di negara ini.

Bagaimana kita ingin meletakkan MBM sebagai organisasi penting kepada belia? MBM perlu memikirkan kaedah untuk turun padang bertemu anak muda.

Tidak menghairankan jika ramai belia tidak menyertai persatuan belia kerana belum ada peruntukan undang-undang yang mewajibkan golongan berusia 15 hingga 40 tahun menyertai pertubuhan belia. Sebaliknya kita akan hairan jika ramai generasi muda tidak mengetahui kewujudan MBM.

Pada hari ini orang muda dulu dan sekarang berbeza, mereka mempunyai pelbagai cita rasa dan kehendak. Ramai pemimpin belia hari ini mengadakan program untuk melonjakkan nama mereka dahulu sehingga banyak program yang diadakan sangat membosankan dan tidak langsung menarik minat orang muda.

Pemimpin belia pada hari ini perlu mengikis sikap ego mereka dan sentiasa mendampingi anak muda. Program perlu mengikut kehendak orang muda pada masa kini.

Kini program-program seperti aktiviti lasak mula mendapat tempat di hati masyarakat. Orang muda pada ketika ini sudah malas dan muak mengikuti program seminar dan konvensyen kerana ia tidak secocok dengan jiwa mereka.

Oleh itu banyak program seminar dan konvensyen yang dianjurkan oleh pertubuhan belia dipenuhi oleh mahasiswa universiti sahaja. Golongan muda kini lebih suka mengikuti program lasak seperti mendaki gunung, pertunjukan kereta, meneroka gunung dan hutan, futsal, berakit dan pelbagai program lain.

Inilah hakikat yang harus pertubuhan belia terima kerana aktiviti di dalam dewan tidak lagi menarik minat orang muda dan mereka lebih suka aktiviti luar.

Golongan belia harus diberikan kebebasan yang luas kepada orang muda untuk mengadakan program mengikut kehendak mereka. Mereka mempunyai kreativiti dan jiwa mereka sangat berbeza dengan cita rasa pemimpin belia. Kehendak pemimpin belia kita hanya ingin mengadakan program seminar, konvensyen, mesyuarat dan bengkel.

Sambutan Hari Belia Negara 2010 diharapkan Kementerian Belia dan Sukan dan MBM telah mendengar suara kehendak generasi muda pada hari ini.

Pelbagai program seperti Jambori Pengakap, pertandingan Futsal, Karnival jualan belia, persembahan band, pertandingan cheer leading, pameran kereta dan motor, cabaran Sukan Lasak, aktiviti sukan dan pelbagai program lain telah disusun membuktikan suara anak muda didengar oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Sambutan Hari Belia Negara 2010 adalah satu permulaan untuk meraikan kehendak belia, bukan meraikan kehendak pegawai Kementerian Belia dan Sukan. Semoga sambutan Belia Negara 2010 akan dipenuhi oleh generasi muda dan menarik anak muda yang selalu lepak di Bukit Bintang untuk datang ke Putrajaya pada minggu ini.

Menteri Belia dan Sukan, Pegawai dan pemimpin belia perlu kurangkan protokol dalam sambutan pada kali ini untuk mendekatkan mereka dengan anak muda. Hari Belia Negara perlu mewujudkan mood untuk anak muda Malaysia kerana ini adalah medan mereka untuk bersuara dan meluahkan perasaan.

Program Kementerian Belia dan Sukan dan MBM perlu menggunakan pendekatan sentuhan program dengan hati anak muda. Ini kerana selama ini hubungan kementerian dan anak muda sangat jauh dan terlalu banyak protokol.

Penulis ialah Setiausaha Agung Kelab Belia Graduan 1Malaysia